

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
RASMI PERHIMPUNAN AGUNG DAN SIMPO-
SIUM PERTUBUHAN PERKUMPULAN PEREM-
PUAN TANAH MELAYU DI DEWAN TUNKU
CANCELOR, UNIVERSITI MALAYA, KUALA
LUMPUR PADA 23HB OGOS, 1975

Datin Khamsiah Majid, Pengerusi Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Tanah Melayu, Para perwakilan, Dif-dif yang terhormat, Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah izinNya kita dapat bersama-sama dalam upacara yang permai dan indah pada pagi ini. Saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Tanah Melayu yang telah menjemput saya merasmikan Perhimpunan Agungnya serta Simposium yang diadakan bersempena dengan Perhimpunan Agung ini. Perhimpunan Agung diadakan pada masa yang sangat istimewa iaitu Tahun Wanita Antarabangsa.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada semua anggota Pertubuhan Perkumpulan Perempuan atas kejayaan-kejayaan yang telah dicapai semenjak ditubuhkan dalam tahun 1952 dahulu.

Dengan berbagai rancangan, terutama yang ditumpukan ke daerah-daerah luar bandar, kaum wanita kita telah dapat meninggikan lagi kecekapan mereka dalam bidang urusan rumah tangga. Seperti dimaklum, wanita luar bandar adalah kumpulan yang aktif sekali dan menjadi tenaga utama dalam usaha membantu kerja-kerja suami mereka terutama dalam kerja ternakan dan tanaman, di samping mendidik anak-anak serta menjaga keperluan dan kebajikan mereka. Selain dari itu mereka juga adalah pengawas yang cekap dalam pentadbiran rumahtangga masing-masing. Amatlah tepat dan sesuai sekali mereka diberi gelaran sebagai "tiang negara".

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

Dalam usaha kita mencapai taraf hidup yang lebih tinggi dan sempurna, semua pihak mestilah bekerjasama. Kita tidak seharusnya bergantung kepada Kerajaan semata-mata kerana kemampuan Kerajaan adalah terhad. Oleh itu semua pihak seharusnya bantu membantu di antara satu dengan lain untuk kepentingan dan kebajikan masyarakat seluruhnya.

Saya gembira dan bersyukur kerana rakyat Malaysia adalah rakyat yang penuh dengan rasa tanggungjawab dan telah dapat menubuhkan beberapa badan sukarela yang sedia memberi bimbingan dan petunjuk kepada mereka yang kurang bernasib baik untuk memperbaiki kehidupan mereka.

Contoh tentang kejayaan kerja-kerja sukarela dan amal ini boleh dilihat dari aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dijalankan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan. Setahu saya, segala aktiviti Pertubuhan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan disertai oleh rakyat sendiri.

Saya percaya pertubuhan ini sendiri tentu berasa bangga dan megah dengan kejayaan aktiviti-aktiviti yang dijalankannya. Ini tidak syak adalah kerana adanya dedikasi dan kerjasama erat dikalangan ahli-ahli Perkumpulan.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

Malaysia sebuah negara yang sedang membangun berkehendak kepada rakyat yang mempunyai pelajaran dan pengetahuan tinggi supaya mereka dapat memainkan peranan masing-masing bagi memajukan masyarakat dan negara supaya setanding dengan negara-negara yang maju di dunia.

Peranan pemimpin-pemimpin Perkumpulan Wanita seharusnya menjadi sebagai tenaga penggerak membimbing ahli-ahlinya dan kaum wanita seluruhnya supaya mempunyai pemikiran yang progresif yang boleh menghadapi masalah dan cabaran dengan baik dan dapat pula menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan keadaan yang berlaku terutama dalam zaman sains dan teknologi supaya mereka tidak ketinggalan di belakang.

Untuk mencapai matlamat ini, maka adalah perlu lebih ramai lagi pemimpin-pemimpin wanita yang muda dan berkebolehan tampil ke hadapan memegang teraju pertubuhan-pertubuhan seperti ini kerana hanya dengan kita mempunyai pemimpin-pemimpin yang berpelajaran dan berkebolehan baru dapat kita mendorong rakyat untuk menyertai kegiatan untuk kemajuan negara dengan penuh berkesan.

Dalam hubungan ini, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mementing dan menghargai sumbangan kaum wanita terhadap pembangunan dan kemajuan negara. Segala hak dan kepentingan mereka sentiasa dijaga dan dihormati oleh Kerajaan dan khasnya oleh kaum lelaki. Segala peluang baik dalam bidang politik, ekonomi dan kemasyarakatan adalah diberi kepada mereka. Apa yang penting dan perlu saya rasa ialah kaum wanita hendaklah sentiasa sedia tampil ke hadapan dan berani mempertahankan dan membela hak dan kepentingan mereka pada setiap masa dan disamping itu bersedia pula bersama-sama dengan kaum lelaki memperbaiki kehidupan masyarakat dan negara seluruhnya.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

Seperti saya katakan tadi, perubahan-perubahan dalam zaman maju dan penuh dengan cabaran ini berlaku dengan pantas sekali. Kemajuan dunia membawa bersamanya kesan-kesan yang baik dan juga kesan-kesan yang tidak baik. Di sinilah unsur pelajaran dan pendidikan memainkan peranan penting. Puan-puan sebagai pengasuh dan ibu yang hampir sekali dengan anak-anak dari segi pengawasan gerak geri dan pergaulan mereka sepatutnya memberi perhatian yang rapi terhadap pembentukan watak mereka menentukan supaya mereka mendapat didikan dan asuhan yang sempurna, baik dari segi jasmani dan rohani serta akhlak. Hanya dengan anak-anak itu membesar dengan pendidikan yang baik dan peribadi yang kuat sahaja dapat menahan mereka dari dipengaruhi oleh anasir dan gejala-gejala yang tidak diingini yang timbul dari keadaan dunia yang serba maju dan penuh dengan bermacam-macam cabaran ini.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

Memandang kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Per-kumpulan Perempuan, saya dapati keseluruhannya memberi per-sediaan yang kukuh terutama kepada wanita di luar bandar bagi

menghadapi kehidupan yang serba maju dan moden ini. Antara aktiviti yang dijalankan di peringkat kampung, daerah dan negeri ialah kursus-kursus latihan pimpinan, kursus kesihatan dan zat makanan, kursus sivik dan kursus pelajaran dan pertanian.

Saya harap kursus-kursus yang memberi menafaat ini akan dipergiatkan lagi supaya benar-benar memberi kesan kepada kaum wanita kita.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

Saya sukacita mendapat tahu bahawa kaum wanita kita adalah memberi sambutan dan kerjasama yang baik terhadap gerakan Buku Hijau yang dilaksanakan oleh Kerajaan tidak berapa lama dulu. Saya sangat puashati dengan kejayaan yang dicapai dibawah gerakan Buku Hijau ini dan dengan kejayaan ini kita telah dapat mengurangkan tekanan inflasi semenjak tahun lalu.

Saya berharap usaha-usaha akan dapat diteruskan supaya kita semua dapat berdikari dan dapat menyediakan barang-barang keperluan kita dengan usaha dan tenaga kita sendiri.

Saya suka juga menegaskan di sini iaitu sungguhpun tekanan inflasi telah reda tetapi keadaan kemerosotan ekonomi masih kita hadapi dengan hebat. Oleh itu saya harap semua pihak memahami hal ini iaitu Kerajaan adalah kekurangan wang dan tidak dapat hendak menambah lagi perbelanjaan-perbelanjaan khususnya perbelanjaan berulang (recurrent expenditure). Dengan sebab itu saya telah mengarahkan supaya jawatan-jawatan yang kosong dan jawatan-jawatan baru dalam Kerajaan tidak diisi dengan tidak mendapatkan kebenaran khas daripada Jemaah Menteri atau saya sendiri.

Begitu juga kita mestilah berjimat cermat dalam segala perbelanjaan dan saya harap kepada semua pihak dapat menunjukkan taat setia kepada Kerajaan dan Negara dan menzahirkan semangat kerjasama untuk kita bersama-sama menghadapi keadaan kegentingan ekonomi ini. Moga-moga dengan kerjasama itu, kita akan dapat mengatasi masalah ini tidak berapa lama lagi.

Adalah dipercayai pada tahun hadapan keadaan akan bertambah reda sedikit dan kita semua akan merasa lega. Begitu juga bagi kaum wanita, saya harap dapat berjimat cermat dan mengurangkan perbelanjaan yang membazir dalam urusan rumah tangga

supaya dengan itu kita dapat bukan saja menolong diri sendiri bahkan menolong Negara kita menghadapi keadaan kegentingan ekonomi ini.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Tanah Melayu atas kejayaan yang telah dicapai selama ini dalam menegakkan satu masyarakat yang sihat dan maju di negara ini dan berdoa agar segala usaha dan rancangan masa hadapan akan mendapat sambutan dan kejayaan sepenuhnya.

Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Tanah Melayu ini.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sedang diperkenalkan kepada ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Tanah Melayu di upacara merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Perkumpulan Wanita di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 23hb Ogos, 1975